

1
1
0
3

2

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos/September
2016

1103/2



2½ jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2016

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua Jam tiga puluh minit

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 20 halaman bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

**PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2016**
Markah Penuh : 110 markah

Soalan 1 : Rumusan

Markah penuh 30 dibahagi kepada

- | | |
|------------|-------------|
| (a) Isi | - 20 markah |
| (b) Bahasa | - 10 markah |

(a) Isi [20 markah]**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian										Markah
Pendahuluan										2
Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
Penutup/ Kesimpulan										2
										20

Soalan 1 : Rumusan**Pendahuluan (2 markah)**

- P1 Rumusan ini membincangkan cara-cara / pendekatan-pendekatan / tindakan-tindakan / strategi-strategi / mekanisme-mekanisme / inisiatif-inisiatif / langkah-langkah meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kepentingan-kepentingan mempelajari kedua-dua subjek tersebut. 2
- P2 Petikan membincangkan cara-cara / pendekatan-pendekatan/ tindakan-tindakan / strategi-strategi/ mekanisme-mekanisme / inisiatif-inisiatif / langkah-langkah meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik di Malaysia / di negara kita. 2
- P3 Petikan membincangkan cara-cara / pendekatan-pendekatan--/ tindakan-tindakan / strategi-strategi / mekanisme-mekanisme / inisiatif-inisiatif / langkah-langkah meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dan sebab-sebab keyakinan pelajar tidak menentu terhadap subjek tersebut. 2

- P4 Petikan / Rumusan ini membincangkan cara-cara / pendekatan-pendekatan / tindakan-tindakan / strategi-strategi / mekanisme-mekanisme / inisiatif-inisiatif / langkah-langkah meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik. 1
- P5 Petikan ini membincangkan cara-cara / pendekatan-pendekatan / tindakan-tindakan / strategi-strategi / mekanisme-mekanisme / inisiatif-inisiatif / langkah-langkah meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kepentingan-kepentingan meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik di Malaysia. 0
- P6 Petikan ini membincangkan usaha-usaha / kepentingan-kepentingan meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik di Malaysia. 0

Isi Tersurat (4 hingga 12 markah) -**Usaha-usaha meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik ...**

- S1 Setiap pelaksanaan program pendidikan negara perlu diperhalus. 2
- S2 Pembudayaan sains dan matematik hendaklah diterapkan dalam diri pelajar seawal usia kanak-kanak. 2
- S3 Sekolah sewajarnya bekerjasama dengan masyarakat dalam meningkatkan kecemerlangan subjek ini. 2
- S4 Tanggapan negatif masyarakat tentang kesukaran mempelajari kedua-dua subjek ini perlu diubah. 2
- S5 Kempen kesedaran tentang subjek Sains dan Matematik dalam kalangan masyarakat mestilah diperhebat. 2
- S6 Pihak industri disarankan menjadi rakan kongsi ilmu ini dengan institusi pendidikan dalam bidang kerjaya. 2
- S7 Penganjuran pelbagai pertandingan merupakan antara usaha Kementerian Pendidikan. 2
- S8 Pelajar seharusnya menerima gaya pengajaran berasaskan KBAT. 2
- S9 Guru dan pelajar sepatutnya berganding bahu untuk mencapai objektif pembelajaran lebih bermakna. 2
- S10 Guru juga perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan semasa. 2

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)

kepentingan-kepentingan mempelajari kedua-dua subjek tersebut...

- | | | |
|----|--|---|
| T1 | Dapat menggunakan kemahiran sains dan matematik dalam kehidupan | 2 |
| T2 | Dapat menyelesaikan masalah dengan lebih yakin/berfikir dengan lebih kritis/kreatif. | 2 |
| T3 | Dapat mencapai cita-cita dalam bidang berkaitan/membuka peluang pelajar untuk melanjutkan pelajaran. | 2 |
| T4 | Lebih bersedia/yakin untuk menghadapi kehidupan yang mencabar | 2 |
| T5 | Berpeluang untuk bersaing dalam pertandingan berdasarkan sains dan matematik di peringkat global | 2 |
| T6 | Dapat menghasilkan ciptaan baharu/inovasi. | 2 |
| T7 | Dapat melahirkan pakar dalam bidang sains dan matematik dengan lebih ramai | 2 |

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PENUTUP

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak perlu proaktif menyumbangkan tenaga dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Sains dan Matematik agar generasi yang cemerlang dapat dilahirkan. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, pelajar perlu meningkatkan daya usaha mereka untuk menguasai subjek Sains dan Matematik agar dapat meningkatkan kemahiran dalam mata pelajaran ini. | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, semua pihak perlu proaktif menyumbangkan tenaga dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Sains dan Matematik. | 1 |
| K4 | Kesimpulannya, pelajar perlu meningkatkan daya usaha mereka untuk menguasai subjek Sains dan Matematik. | 1 |
| K5 | Kesimpulannya, subjek Sains dan Matematik amat penting dalam kehidupan. | 0 |

Nota: K5 tiada cadangan.

(Kesimpulan lain yang sesuai diterima)

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	- Kesinambungan isi baik. - Sturuktur ayat/ tatabahasa baik. - Kosa kata luas. - Tanda bacaan/ ejaan baik.
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	- Kesinambungan isi masih baik. - Sturuktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan. - Kosa kata masih memuaskan. - Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan.
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan.

Nota

- i. Jika bahasanya baik, tambah 1 markah lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- iii. Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- iv. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.
- v. Markah bahasa maksimum ialah 10 markah.

Soalan 2 : Pemahaman

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

- Soalan 2 (a) : 9 markah
 Soalan 2 (b) : 9 markah
 Soalan 2 (c) : 8 markah
 Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis.	2
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup.	1
Jawapan tidak tepat/ salah.	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis.	3
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	2
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis.	
Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis.	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis.	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis.	4
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis.	2
Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis.	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis.	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

i. Maksud *mematikan minat*

- Menghapuskan / melenyapkan / menghilangkan / memusnahkan impian / cita-cita / harapan / kecenderungan / kecondongan / kegemaran / kesukaan 2
- **mematikan** impian / cita-cita / harapan / kecenderungan / kecondongan / kegemaran / kesukaan 1
- menghapuskan / membunuh / melenyapkan / menghilangkan minat 1
- **menguburkan** / membunuh impian / cita-cita / harapan / kecenderungan / kecondongan / kegemaran / kesukaan (* kata simbolik tidak diterima) 0

ii. Sebab-sebab keyakinan pelajar yang tidak menentu terhadap subjek Sains dan Matematik

- kerisauan pelajar terhadap pencapaian subjek Sains dan Matematik
- kurangnya pendedahan dari aspek kerjaya dalam bidang berkenaan
- pengaruh rakan sebaya
- sikap ibu bapa yang tidak menyokong pembelajaran subjek Sains dan Matematik

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iii. Tindakan yang akan saya lakukan untuk meningkatkan prestasi subjek Sains dan Matematik

- berjumpa dengan guru untuk mendapatkan bimbingan yang khusus
- berbincang dengan rakan yang lebih mahir untuk menguasai topik yang sukar
- memperbanyak latihan agar lebih mahir menjawab soalan
- menjadikan rakan yang bijak dalam subjek tersebut sebagai mentor untuk memupuk minat terhadap subjek
- menghadiri seminar / teknik menjawab / kelas tambahan yang berkaitan dengan kedua-dua subjek ini
- mendapatkan bahan pembelajaran dari pelbagai media

(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

(2 isi dengan huraian yang lengkap mencukupi untuk markah maksimum)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen

- i. Pandangan Ahmad Mutawakkil terhadap orang Melayu
- orang Melayu berbudi bahasa
 - hati Melayu tidak pandai / tidak mengerti bermusuhan
 - hati Melayu penuh dengan persahabatan / hati Melayu gemar akan persahabatan

[Maksimum : 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- ii. Untuk mengelakkan negara kita dijajah oleh kuasa asing semula
- Kerajaan menyediakan pertahanan negara yang kuat daripada ancaman musuh
 - Rakyat perlu mengekalkan perpaduan/ saling menghormati antara kaum.
 - Rakyat rela / bersedia menyumbang tenaga demi keselamatan negara.
 - Pihak sekolah menanam / menyemai semangat cinta akan negara kepada para pelajar melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran / kurikulum.
 - Kerajaan menjalankan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar.

(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- iii. Satu persoalan yang terdapat dalam petikan
- Persoalan keberanian seorang anak muda dalam menyuarakan pendapat
Contoh: Ahmad Mutawakkil yang berani menyuarakan pendapat walaupun dia masih muda 1+1
 - Persoalan kehidupan masyarakat yang saling menghormati.
Contoh: Walaupun Tuan Booth berbangsa Inggeris dia tetap bercampur gaul dengan masyarakat kampung di surau pada setiap petang. 1+1
 - Persoalan sikap rasional sebelum bertindak.
Contoh : Ahmad Mutawakkil menjelaskan bahawa orang kampung patut berbaik-baik dengan Tuan Booth walaupun mereka berlainan bangsa. 1+1

Satu persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tiada dalam petikan

- Persoalan kasih sayang terhadap keluarga
Contoh: Tuan Booth yang amat menyayangi ahli keluarga bertindak membawa mereka berpindah seminggu sebelum kemaraan Jepun di Tanah Melayu 1+1
- Persoalan kerjasama yang erat dalam masyarakat
Contoh: masyarakat kampung penulis bekerjasama mencari dan menjelaki kehilangan Ahmad Mutawakkil 1+1
- Persoalan ketabahan dalam mengharungi kesulitan
Contoh : Penduduk kampung tabah mengharungi dugaan dan kesengsaraan semasa pendudukan Jepun dan Parti Komunis Malaya yang mengganas semasa zaman perang dahulu. 1+1

- Persoalan semangat patriotik yang tinggi
Contoh : Ahmad Mutawakkil menggesa rakyat agar bersama-sama berjuang untuk memerdekakan tanah air daripada cengkaman penjajah Inggeris dan anasir komunis. 1+1
- Persoalan cinta yang mendalam
Contoh : Sandra amat menyayangi Ahmad Mutawakkil sehingga sanggup kembali semula ke banglo peninggalan bapanya setahun selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. 1+1
- Persoalan kekejaman pihak pengganas terhadap masyarakat
Contoh : Serangan maut pengganas komunis telah mengorbankan tiga orang pengurus berbangsa Inggeris dalam serangan berkembar di Estet Ephill dan di Estet Sungai Siput. 1+1

(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

i. Maksud rangkai kata *menyuruh berlengkap*

- memerintahkan persiapan berperang 2
- memerintahkan / mengarahkan berlengkap 1
- menyuruh bersiap sedia untuk berperang 1
- membuat / melakukan persiapan / persediaan untuk berperang 1
- mengarahkan / memerintah untuk bersiap-siap 0

[Maksimum : 2 markah]

ii. Tindakan Sidi Arab setelah mendengar khabar bahawa Cau Pandan akan menyerang Melaka

- Sidi Arab berdiri di hadapan raja
- dihalakan panah ke benua Siam
- sambil menarik panah beliau berkata, "Mati engkau, Cau Pandan" / sambil menarik panah menyeru nama Cau Pandan agar mati

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

iii. Dua ikhtiar yang boleh dilakukan oleh seseorang pemerintah bagi mengelakkan negaranya terlibat dalam perperangan

- mengadakan rundingan dengan negara terlibat sebelum perperangan berlaku / menyelesaikan sebarang pertelingkahan melalui permuafakatan
- mengadakan hubungan diplomatik dengan negara di sekitar / negara jiran untuk memastikan hubungan baik terjalin
- mengadakan perjanjian damai supaya tidak ada negara yang memulakan persengketaan / perperangan

- mengadakan usaha sama dalam pelbagai bidang untuk memajukan negara masing-masing
- menghormati kedaulatan negara-negara lain
- mengamalkan prinsip keamanan antarabangsa
- bekerjasama dalam melindungi hak asasi manusia
- mendapatkan bantuan daripada PBB

(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2(d) : Syair

- i. keadaan rakyat di Negeri Kembayat apabila diserang oleh burung garuda seperti yang diceritakan dalam rangkap ketujuh syair

- Rakyat menjadi gempar
- Rakyat ketakutan
- Rakyat lari bertempiaran / lari menyelamatkan diri

[Maksimum : 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- ii. Persediaan yang perlu dilakukan untuk menghadapi musibah tersebut.

- Orang ramai perlu mengetahui / menguasai ilmu tentang sesuatu musibah yang sedang / pernah berlaku di negara-negara lain.
- Pihak kerajaan / berkuasa mengarahkan rakyat bersiap sedia untuk berpindah ke kawasan yang lebih selamat.
- Pihak kerajaan / berkuasa menyediakan alat kawalan keselamatan / alat penggera di kawasan yang berisiko menghadapi musibah.
- Pihak kerajaan / berkuasa menyediakan keperluan harian seperti makanan/pakaian / ubat-ubatan yang mencukupi kepada bakal mangsa.
- Pihak kerajaan / berkuasa menyediakan kawasan penempatan baharu yang lebih tinggi dan selamat.
- Anggota keselamatan mengadakan latihan menyelamat dengan lebih banyak / kerap dalam menghadapi musibah.
- Media massa menyebarkan maklumat keselamatan kepada masyarakat tentang cara-cara menghindarkan diri / membuat persediaan ketika menghadapi musibah dari semasa ke semasa.

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- i. Dua perwatakan Raja Negeri Kembayat yang terdapat dalam syair

- Seorang raja yang adil
Contoh: Raja Negeri Kembayat memerintah dengan adil 1+1
- Seorang raja yang bijaksana
Contoh: Raja Negeri Kembayat bijaksana dalam pemerintahannya 1+1

- Seorang raja yang bertanggungjawab
Contoh: Raja Negeri Kembayat bertanyakan keadaan negerinya yang telah diserang musuh 1+1
- Seorang raja yang penyayang
Contoh: Raja Negeri Kembayat sangat menyayangi isterinya lebih-lebih lagi setelah isterinya hamil 1+1
- Seorang raja yang prihatin
Contoh: Raja Negeri Kembayat prihatin akan masalah rakyatnya 1+1

(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3 (d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

Soalan 3 (a) – Membina ayat

1. Beri 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja meninggalkan/menambah/mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur ayat cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak begitu jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
10. Boleh guna partikel -kah, -lah, -nya, -ku, dan -mu.
11. Isi tidak logik, berikan 0 markah.

Jawapan 3(a)

- (i) abstrak - tidak berupa atau bersifat kebendaan (tidak dapat dilihat atau dirasa dengan pancaindera), tidak konkret atau maujud, niskala: kesetiaan adalah sesuatu yg ~;
- (ii) agresif - cenderung menyerang (negara lain) atau berlaku (bertindak dan sebagainya) secara bermusuhan terhadap pihak (negara dan sebagainya) yang lain, bersifat suka menyerang (bermusuhan, bersengketa, dan sebagainya);
- (iii) mahar - mas kahwin (yang diberi kepada pengantin perempuan); membayar ~ memberi mas kahwin.

- (iv) maslahat - sesuatu yang berfaedah (berguna), usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah: dia sentiasa meletakkan kebenaran di hadapannya dan tidak mempermudah-mudahkan sesuatu ~ yang mengenai orang ramai; setiap langkah, peraturan dan undang-undang yang dapat melindungi dan mempertahankan perkara yang disebutkan tadi adalah ~;
- (v) saujana - luas, jarak yang jauh: berhimpun di padang ~; ~ mata (memandang) sejauh pemandangan mata, sejauh mata memandang.
- (vi) sutradara - pemimpin (pengatur) sesuatu lakonan (filem dll), pengarah;

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(b)

- (i) Ayat permintaan
- (ii) Ayat suruhan
- (iii) Ayat suruhan
- (iv) Ayat permintaan
- (v) Ayat larangan
- (vi) Ayat silaan

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(c)

- | | | | |
|-------|-----------------------------|---|-----------------------------|
| (i) | tersaji
perasan | - | disaji
perasaan |
| (ii) | Kerajaan
mensejahterakan | - | kerajaan
menyejahterakan |
| (iii) | demonstrasi
mengugat | - | demonstrasi
mengugat |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(d)

- | | | | |
|------|-------------------------------|---|--------------------------------------|
| (i) | kesempitan
gurunya berikan | - | kesuntukan
diberikan oleh gurunya |
| (ii) | skrip
kepada | - | lirik
untuk |

- | | | |
|--|---|--|
| (iii) berkolaborasi
membincangkan tentang | - | bermesyuarat/bermuafakat/berunding/
bermusyawarah
membincangkan/berbincang tentang |
|--|---|--|

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(e)

- (i) **tulang belakang – orang harapan**
Contoh ayat:
Datuk Azman merupakan **tulang belakang** dalam Syarikat Teras Maju kerana beliau sering menjadi rujukan para pekerjanya.
- (ii) **bagai menatang minyak yang penuh – mendidik anak dengan penuh kasih sayang**
Contoh ayat:
Ibu bapa yang mendidik anak dengan penuh kasih sayang **bagai menatang minyak yang penuh** pasti anaknya akan berjaya.
- (iii) **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas – adat atau sesuatu yang tidak berubah tetapi tetap utuh.**
Contoh ayat:
Filem-filem arahan Allahyarham Tan Sri P.Ramlee **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas** kerana terus digemari ramai.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4 : Novel

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan novel-novel yang dipelajari
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
iii) Beri 1 markah bagi setiap latar tempat yang betul
iv) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/ jelas
v) Beri 0 markah bagi latar tempat yang tidak betul
vi) Markah isi maksimum 4 markah
vii) Markah bahasa maksimum 3 markah
 Baik : 3 markah
 Sederhana : 2 markah
 Lemah : 1 markah
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan novel-novel yang dipelajari
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
iii) Beri 2 markah untuk peristiwa yang menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar di contohi.
iv) Beri 1 markah untuk setiap alasan yang lengkap / jelas bagi setiap novel
v) Markah isi maksimum 6 markah
vi) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
viii) Calon tidak menjawab, 0 markah

[Maksimum: 8 markah]

4 (a) Dua latar tempat dalam sebuah novel yang anda pelajari

Novel	Latar Tempat (1m)	Peristiwa (1m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Sekolah Inggeris	Pak Saidi berkeras mahu menghantar Adnan menuntut ilmu di sekolah Inggeris. Di sinilah Adnan telah mendapat pujian Cikgu Anderson atas sikap hormat dan rajin.
	Bukit Candu	Pertempuran Leftenan Adnan bersama-sama askar Melayu dengan tentera Jepun berlaku di Bukit Candu yang akhirnya askar Melayu tewas di tangan Jepun.
Tirani	Bilik Bedah	Di bilik bedah, Waheeda tidak mahu melepaskan genggaman tangan ibunya kerana ingin merasai kasih sayang ibunya sebelum dibedah.
	Chalet Tajau Emas	Di chalet ini Waheeda mengalami kecederaan pada muka dan hidung akibat digigit dan dicakar oleh monyet Belanda.
Jendela Menghadap Jalan	Rumah datuk Lili	Rumah datuk Lili merupakan tempat tinggal Lili sepanjang dia berada di kampung datuk dan neneknya di Dungun Terengganu. Sepanjang berada di sini, Lili mengetahui kehebatan datuknya yang merupakan pengamal perubatan tradisional.
	Balai Raya	Tempat penduduk kampung berkumpul bagi menyelesaikan masalah pembelian tanah orang kampung oleh pihak yang tidak dikenali.
Songket Berbenang Emas	Rumah Embong	Nek Kiah meletakkan tanda pangkah di pintu rumah Embong untuk menghalang gangguan makluk halus.
	Hospital Bahagia	Di Hospital Bahagia, ibu Dahlia dirawat kerana menghidapi kemurungan. Dahlia cuba lari daripada Azhari, teman lelakinya kerana malu dengan keadaan ibunya yang dirawat.
Pantai Kasih	Pusat Rawatan Pantai Kasih	Tempat Unong Siron mendapat rawatan pembedahan tulang pinggulnya sebanyak enam kali.
	Rumah Tumpangan	Tempat Raiha dan anaknya bermalam selepas Raiha membawa anaknya keluar dari rumah agam milik Dr Sadiz.

Bima Sakti Menari	Perpustakaan Awam Sultan Syarifuddin, Kuala Selangor	Budiman menemani Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik di bilik tutorial di perpustakaan tersebut kerana mereka berdua bukan muhrim.
	Balai Cerap Sultan Salahuddin Kuala Selangor	Sekumpulan pelancong dari Jepun ingin mencerap bintang di Balai Cerap Sultan Salahuddin Kuala Selangor tetapi gagal disebabkan keadaan langit yang cerah.
Di Sebalik Dinara	Lab Soft Cyberjaya	Farisha ditunjukkan bilik yang akan digunakannya untuk menjalankan projek <i>mini soft lab</i> . Bilik tersebut dilengkapi dengan dinding dwifungsi yang boleh juga digunakan sebagai ‘touch screen’.
	Hospital	Di hospital, Shida dan Rosman pergi melawat Farisha yang sangat lemah dan terdapat benjolan kecil di belakang tengukunya. Farisha menyatakan bahawa dia tidak apa-apa.
Silir Daksina	Balai raya Kampung Seri Purnama	Tempat Ai Ling bersama-sama rakan berlatih tarian zapin dan deklamasi puisi.
	Pantai Batu Buruk	Haiqal mengajak Ratna berjalan-jalan di tepi pantai sambil bercerita tentang ayah kandungnya yang berpisah dengan ibunya.

- 4 (b) Huraikan satu peristiwa yang menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi. Berikan alasan anda.

Novel	Peristiwa (2m)	Alasan (1m)
Pantai kasih	Peristiwa Dr. Uwang yang tidak mahu memelihara anak hasil keterlanjurannya dan lebih memilih untuk hidup bebas.	Tindakan Dr. Uwang ini sangat tidak wajar kerana sebagai seorang ayah seharusnya bertanggungjawab terhadap darah dagingnya sendiri.
	Peristiwa Sister Felicia yang melayan ibu Unong Siron dengan kasar.	Tindakan Sister Felicia yang bertindak kasar terhadap ibu Unong Siron sepatutnya tidak berlaku kerana Sister Felicia haruslah bersikap profesional dan melayan keluarga pesakit dengan baik.
	Peristiwa Dr. Sadiz yang membawa perbalahan dengan isterinya Dr. Raiha ke mahkamah.	Tindakan Dr. Sadiz ini sangat tidak wajar kerana sepatutnya perbalahan antara mereka yang merupakan masalah peribadi perlu diselesaikan dengan cara baik dan tidak membabitkan pihak mahkamah atau orang luar.
	Peristiwa Dr. Sadiz yang meminta Dr. Raiha menggugurkan kandungan sangat tidak wajar kerana anak yang dikandung oleh Dr. Raiha merupakan darah daging mereka dan mereka harus menerimanya walaupun anak itu cacat.	
	Peristiwa Dr. Uwang yang suka berfoya-foya di kelab malam.	Sebagai seorang muslim tindakan Dr. Uwang yang suka berfoya-foya di kelab malam dan melanggani pelacur sangat tidak wajar.
Bimasakti Menari	Peristiwa Nurul Hafsa yang bersangka buruk terhadap Muhamad Taufik.	Tindakan Nurul Hafsa yang terlalu cepat buruk sangka terhadap lelaki yang belum dikenalinya sangat tidak wajar kerana dia sepatutnya sentiasa berbaik sangka. Ternyata sangkaannya meleset apabila Muhamad Taufik turut memperjuangkan kelangsungan populasi kelip-kelip.

	<p>Peristiwa Datuk Johan Arlington yang menentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap.</p>	Tindakan Datuk Johan Arlington yang menentang projek mengembalikan populasi kelip-kelip sangat tidak wajar kerana dia hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Datuk Johan cuba untuk mendapatkan tender membekalkan lampu-lampu yang akan membantutkan usaha mengembalikan kegelapan.
	<p>Peristiwa penjenayah yang menculik Nurul Hafsa dan menyerang Muhamad Taufik.</p>	Tindakan Datuk Johan Arlington menculik Nurul Hafsa dan menyerang Muhamad Taufik sangat tidak wajar kerana tindakannya itu merupakan jenayah.
Di Sebalik Dinara	<p>Peristiwa Karl mengasari isterinya. Karl telah memukul isterinya sehingga cacat dan hampir mati.</p>	Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seorang suami sepatutnya melindungi seorang isteri kerana isteri merupakan amanah daripada Tuhan.
	<p>Peristiwa Medina iaitu ibu kandung Farisha ingin membunuh Farisha sewaktu kecil. Medina ingin membunuh Farsihah kerana tidak sanggup melihat suaminya memberi Farisha pelbagai jenis ubat untuk menjadikan Farisha kanak-kanak genius.</p>	Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seorang ibu sepatutnya melindungi anak kandung sendiri walaupun terpaksa mengorbankan nyawanya sendiri.
Silir Daksina	<p>Peristiwa Umi tidak membenarkan Haiqal ke kampung arwah ayahnya di Johor. Umi telah memarahi Haiqal dan mengugut Haiqal bahawa dia tidak akan memberikan wang sekiranya Haiqal ke kampung arwah ayahnya.</p>	Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seorang ibu sepatutnya tidak memutuskan hubungan antara anak dan ayahnya. Semasa Abdullah Kayan masih hidup, Umi melarang Haiqal daripada bertemu dengan ayahnya.

	Peristiwa Haiqal bertengkar dengan Umi apabila Umi tidak membenarkannya pergi ke kampung arwah ayahnya.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana sebagai seorang anak tidak wajar bertengkar apalah lagi meninggikan suara kepada seorang ibu.
Tirani	Peristiwa sikap Waheeda yang melayan Dr. Rushdi dan Halloway.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana perbuatan Waheeda yang memberi layanan mesra kepada bukan muhrim sehingga menimbulkan kemarahan dan rasa cemburu suaminya.
	Peristiwa Zahid yang tidak menemani isterinya ke hospital semasa isterinya hendak bersalin.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana sebagai seorang suami, Zahid sepatutnya bertanggungjawab menemani isterinya dan memberi semangat serta sokongan dalam menghadapi saat kelahiran bayi mereka.
	Peristiwa Nuar, Man dan Mat Gusi mengejek Waheeda dengan gelaran Eda Keropok.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana tindakan mengejek kekurangan seseorang bertentangan dengan ajaran agama dan budaya Timur.
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Peristiwa Guru Besar Steward merendah-rendahkan kebolehan Adnan dan Pak Saidi.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana merendah-rendahkan kebolehan dan status orang lain merupakan perbuatan yang tidak bermoral.
	Peristiwa Nordin dan rakan-rakannya yang gemar melepak di Kedai Kopi Pak Samad.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana perbuatan melepak hanyalah membuang masa.
Songket Berbenang Emas	Peristiwa Aton menuduh Embong dan Dahlia yang menyebabkan anaknya lemas di sungai.	Tindakan Aton yang suka memfitnah tidak wajar dicontohi kerana akan menyebabkan perbalahan dan perpecahan dalam masyarakat.
	Peristiwa Cikgu Salwani memarahi Dahlia yang tidak lagi tinggal di asrama dan	Tindakan Cikgu Salwani yang memarahi Dahlia tanpa usul periksa tidak wajar dicontohi kerana sebagai seorang guru, dia harus menyelidiki dahulu dan tidak menjatuhkan air muka pelajar

	sering lewat ke sekolah.	di khalayak ramai.
	Peristiwa Nek Kiah ingin menjual rumah keluarga Dahlia walaupun emak dan abahnya Embong masih berada di hospital.	Tindakan Nek Kiah ini tidak wajar dicontohi kerana dalam dirinya dia tidak ada perasaan simpati atau kasihan terhadap keluarga yang sedang dilanda musibah.
Jendela Menghadap Jalan	Peristiwa Seman memukul anak-anaknya dengan teruk.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana sepatutnya sebagai seorang ketua keluarga yang bertanggungjawab, Seman menunjukkan tingkah laku dan teladan yang baik terhadap anak-anaknya. Malahan sikapnya ini menimbulkan perasaan benci dan dendam Haziq dan Rafiq kepada ayah mereka.
	Peristiwa Haziq dan Rafiq mengugut ibunya untuk dicederakan.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana boleh mengundang suasana dan masalah yang lebih buruk dalam hubungan kekeluargaan mereka malahan tindakan ini bertentangan dengan agama Islam.
	Peristiwa Che Jah menjerit sekuat-kuat hati meminta cerai daripada suaminya.	Tindakan ini tidak wajar dicontohi kerana sebagai seorang isteri Che Jah perlu mengawal perasaannya dan menutup keaiban keluarga mereka daripada pengetahuan orang lain.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT